

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [BACHOK]**

TARIKH : 2 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perubahan peraturan dan syarat syarat baru yang telah dan akan dibuat oleh SPR dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke 14. Apakah pihak berkuasa tempatan (PBT) telah melakukan tindakan yang betul menurut undang-undang apabila mengenakan deposit tambahan kepada calon yang bertanding sebagaimana berlaku dalam PRN Sarawak.

62

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia bahan kempen pilihan raya mengikut peruntukan undang-undang. SPR dibenarkan untuk mengenakan deposit bahan kempen pilihan raya di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya (Akta 5) khususnya perenggan 24B (4) (b) memperuntukkan bahawa calon yang bertanding perlu mendepositkan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri sebanyak RM 5,000.00 bagi calon Parlimen atau RM 3,000.00 bagi calon Dewan Undangan Negeri. Manakala PBT boleh mengenakan bayaran permit bahan kempen pilihan raya (tidak dipanggil deposit bahan kempen pilihan raya) berdasarkan kepada undang-undang kecil yang terpakai bagi PBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR menghendaki deposit bahan kempen pilihan raya sebagai cagarangan bagi maksud pembersihan bahan kempen jika ia gagal dibersihkan dalam masa 14 hari dari tarikh pengundian seperti yang diperuntukkan di bawah sub-seksyen 24A (8) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). Manakala bayaran permit dikenakan oleh PBT adalah bagi maksud pemasangan bahan kempen dalam kawasan PBT itu. Dalam mengenakan deposit pilihan raya atau bayaran permit bahan kempen, SPR dan PBT masing-masing boleh mengenakan syarat mengikut kuasa yang diberikan oleh Akta 5 dan undang-undang kecil PBT berkenaan. Syarat tersebut mungkin berbeza mengikut dasar dan undang-undang yang

63

terpakai. Di antara syarat yang dikenakan oleh SPR dalam permit bahan kempen pilihan raya semasa bayaran deposit dibuat adalah kandungan bahan kempen hendaklah tidak melanggar seksyen 4(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 di bawah perenggan 24B(8)(a)(b) manakala PBT boleh mengenakan syarat-syarat tertentu contohnya bahan kempen tidak boleh dipamerkan di kawasan yang boleh mengganggu keselamatan orang awam.

Sekian, terima kasih.